

# Penempatan haram Pati kena tindakan roboh

**Kuala Lumpur:** Bina sembilan bangsal menggunakan kayu dan bahan terbuang yang dijadikan penempatan haram ratusan pendatang warga asing di Segambut, di sini.

Itu kegiatan pendatang asing tanpa izin (Pati) yang diambil tindakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui operasi Ops Ceroboh, semalam.

DBKL dalam kenyataannya berkata, operasi bersepadu diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu turut membabitkan Jabatan Imigresen Malaysia (Jim) dan Air Selangor Sdn Bhd.

Katanya, berdasarkan siasatan dijalankan di lo-

kasi sasaran, mendapati sembilan unit struktur bangsal haram yang dijadikan kediaman didirikan dengan menggunakan kayu dan bahan terbuang.

“Selain itu, setiap unit berkenaan turut dilengkapi dengan sumber air semula jadi yang diagihkan kepada setiap unit namun kawasan itu tiada sebarang sumber elektrik,” katanya.

Kenyataan itu berkata, susulan itu semua struktur berkenaan dikenakan tindakan roboh mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Katanya, dalam operasi itu, Jim turut menahan enam warga asing untuk tindakan lanjut.